

Buku *Hubungan Etnik* ditarik balik - Abdullah

**Kementerian
Pengkajian Tinggi
telah teliti serta
memberikan
pandangan kepada
Kabinet mengenai
perkara ini dan
semua pihak
hendak
menggantikan
buku itu dengan
buku lain**

**ABDULLAH
AHMAD
BADAWI
Perdana
Menteri**

**Oleh HABIBAH OMAR
dan HELMIMOH. FOAD**

PUTRAJAYA 19 Julai - Kabinet hari ini membuat keputusan menarik balik buku panduan pengajaran *Hubungan Etnik* yang kini diguna pakai di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan menggantikannya dengan buku lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, perkara itu telah dibincangkan oleh Kabinet yang bersidang hari ini yang turut meminta Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed memberikan penjelasan mengenainya.

"Jadi, Kementerian Pengajian Tinggi telah teliti serta memberikan pandangan kepada Kabinet mengenai perkara ini dan semua pihak hendak menggantikan buku itu dengan buku lain kerana itu adalah tindakan wajar.

"Buku yang baru itu nanti akan diteliti oleh ahli sejarah dengan mengambil kira sensitiviti kaum di negara ini.

"Saya telah beri pandangan iaitu fakta sejarah tak boleh diubah, tetapi yang penting tafsiran sejarah itu yang penting kerana kita semarakkan fakta sejarah yang berlaku. Yang kedua kita pun ada perkara yang mungkin kita fikir tak wajar ditimbulkan seolah-olah kita mengungkit-ungkit dan dengan itu akan menimbulkan pula satu suasana tidak baik," katanya.

Beliau mengulas mengenai panduan pengajaran *Hubungan Etnik* yang diajar di UPM dan diterbitkan Januari lalu yang membincangkan mengenai insiden 13 Mei, rusuhan di Kampung Medan dan Dong Jiao Zong.

Pada Oktober 2004, keputusan telah dibuat supaya modul pengajaran itu menjadi subjek wajib untuk semua pelajar universiti bermula sesi akademik 2006/2007.

Menurut Abdullah, isu kaum masih menjadi isu sensitif di negara ini biarpun pada tahun depan Malaysia akan menyambut Hari Kemerdekaan ke-50 tahun.

"Kita masih dalam peringkat mengendur, membendung dan ke arah membawa, semua kaum yang ada di Malaysia ini sebagai satu bangsa yang bersatu padu serta mempunyai matlamat bersama yang inginkan pembangunan dan keamanan.

"Kita mahu hubungan antara kaum sentiasa dalam keadaan yang selesa dan inilah konteks yang kita perlu gerakkan," katanya.

Beliau juga menekankan supaya masyarakat di negara ini tidak mengambil pendirian dengan membuat tuduhan kepada sesuatu kaum kerana pertimbangan harus diberikan kepada niat dan tujuan kumpulan berkenaan.